

TEKS UCAPAN

**Datuk Dr Ghazali Bin Othman
Pengarah Kesihatan Negeri Melaka**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN KESIHATAN
NEGERI MELAKA**

**TARIKH
24 FEBRUARI 2016 (RABU)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA, DAN SALAM 1MALAYSIA.
MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR
TEKNOLOGI HIJAU, MELAKA BEBAS ASAP ROKOK
MELAKA MAJU FASA II
MELAKA 754 TAHUN.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

YBHG Timbalan-Timbalan Pengarah Kesihatan, Jabatan
Kesihatan Negeri Melaka

Yang dihormati Pengarah-Pengarah Hospital Melaka, Alor
Gajah, Dan Jasin, Ketua-ketua Program Jabatan Kesihatan
Negeri Melaka, Pegawai-Pegawai Kesihatan Daerah,
Pegawai-Pegawai Pergigian Daerah Melaka Tengah, Alor
Gajah, Jasin dan semua wargakerja Jabatan Kesihatan
Negeri Melaka.

PENGENALAN

1. Syukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin serta limpah kurnia Nya, dapat kita bersama-sama hadir dan berhimpun di Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka kali ke dua pada tahun 2016.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

UCAPAN SELAMAT TAHUN BARU CINA

2. Pertamanya saya rasa tidak terlewat untuk saya mengucapkan selamat Tahun Baru Cina kepada wargakerja berbangsa Cina. Semoga tahun 2016 memberi seribu satu makna dan semoga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka terus melakarkan kegemilangan dan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

PERUNTUKAN KEWANGAN JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA DAN LANGKAH BERJIMAT CERMAT

3. Kesempatan ini, saya juga ingin menyentuh tentang peruntukan kewangan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan langkah berjimat cermat. Kedatangan tahun 2016 hadir bersama kebimbangan rakyat terhadap keadaan ekonomi berikutan kesan kenaikan kos sara hidup dan peningkatan harga barang dalam kehidupan harian. Sesungguhnya, senario yang sama akan turut dihadapi dalam pengurusan sektor awam terutamanya di Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.

4. Saya ingin memaklumkan bahawa bagi tahun 2016, peruntukan yang diluluskan untuk JABATAN KESIHATAN NEGERI Melaka adalah sebanyak RM 507,509,262 juta. Jumlah ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM 21,688,368 juta (4.27%) berbanding peruntukan yang kita terima pada tahun 2015 (RM 529,509,630 juta). Oleh yang demikian saya ingin mengingatkan kita semua tentang keperluan untuk berbelanja secara berhemah dan mengamalkan Langkah Penjimatan Selaras Dengan Pekeliling 1PP (Pekeliling Perbendaharaan) Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemah Bagi Mengawal Perbelanjaan Awam antaranya :
- a. Mengutamakan Perbelanjaan-Perbelanjaan Komited;
 - b. Kawalan Pelaksanaan Majlis/Seminar/Pameran/Kursus;
 - c. Mengawal Kerja Lebih Masa;
 - d. Kawalan Perbelanjaan Bekalan Pejabat; dan
 - e. Kawalan Perbelanjaan Luar Negara Atas Urusan Rasmi
5. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dalam setiap mesyuarat yang dihadiri oleh Pengarah-pengarah Kesihatan Negeri juga sering memberi penekanan kepada kawalan belanja mengurus yang perlu dikurangkan dan mesti dilaksana secara berhemah. Perkara ini hendaklah diambil secara serius oleh Ketua-ketua PTJ dan juga setiap warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.
6. Sehubungan dengan itu dimaklumkan bahawa Karnival Kesihatan 2016 yang merupakan di bawah program warga aktif warga produktif yang dijadualkan pada 28 April 20-16 sehingga 2 Mei 2016

di Kuching Sarawak dibatalkan setelah mengambilkira keadaan ekonomi semasa.

7. Walau bagaimanapun Karnival Kesihatan 2016 akan diganti dengan sukan Jemputan Kelab-Kelab Gabungan, MSK KKK (Majlis Sukan & Kebajikan Kebangsaan Kementerian Kesihatan). Tarikh cadangan kejohanan adalah pada 6-8 Mei 2016 di Kuching Sarawak dan penganjuran ini tertakluk kepada beberapa perkara antaranya:

- a. Perbelanjaan bagi menjayakan kejohanan ini ditanggung sepenuhnya oleh tuan rumah dan kontijen-kontijen yang mengambil bahagian
- b. Status jemputan kepada kejohanan ini bermaksud kejohanan ini bukan wajib tetapi semua kelab-kelab atau majlis gabungan MSK KKK digalakkan untuk turut serta mengambil bahagian. Walau bagaimanapun ia tertakluk kepada keupayaan kelab gabungan MSK KKK untuk penghantarann kontijen
- c. Skala penganjuran dikecilkan dengan jumlah penyertaan ditetapkan TIDAK LEBIH 1800 orang atau 100 orang bagi setiap kontijen termasuk peserta tuan rumah.

Surat makluman berkaitan perkara ini telah pun diedarkan kepada semua PTJ.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

SITUASI TERKINI VIRUS ZIKA

8. Berkaitan ancaman penularan jangkitan virus Zika, ianya berlaku secara pantas di beberapa buah negara terutama di rantau Amerika telah mencetuskan kebimbangan majoriti penduduk dunia. Maklumat terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), menyatakan dari Januari 2014 hingga 5 Februari 2016, terdapat sebanyak 33 negara yang telah melaporkan jangkitan virus Zika ini.
9. Hasil pemantauan KKM melalui surveilans makmal berterusan yang dilakukan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari bulan Jun 2015 sehingga 10 Februari 2016, mendapati sebanyak 393 sampel darah daripada pesakit yang menunjukkan gejala denggi tetapi negatif bagi ujian NS 1, telah diuji untuk mengesan virus Zika. Setakat ini semua keputusan ujian adalah **negatif**. Pada masa ini tiada vaksin untuk mencegah daripada jangkitan dan tiada ubat khusus untuk merawat penyakit Zika.
10. Oleh yang demikian, perkara penting yang perlu dilakukan oleh orang ramai adalah melaksanakan langkah-langkah pencegahan terutama memastikan persekitaran yang bersih dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes. Setiap individu dinasihatkan melindungi diri daripada gigitan nyamuk seperti memakai pakaian berlengan panjang dan seluar panjang serta menggunakan

repelan. Sekiranya menghidap gejala dan tandatanda jangkitan Zika seperti demam, sakit badan, ruam dan konjuktivitis dalam tempoh 7 hari setelah kembali dari 33 negara yang dijangkiti virus Zika, segeralah mendapatkan rawatan di klinik ataupun hospital.

SITUASI PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT (NCD): NHMS 2015

11. Semua sedia maklum, penyakit tidak berjangkit (*non-communicable diseases*, NCD) atau lebih dikenali sebagai penyakit kronik meliputi penyakit seperti penyakit kencing manis (diabetes), penyakit kardiovaskular termasuk darah tinggi (hipertensi) dan angina ahmar (strok), kanser dan penyakit respiratori kronik. Perkara yang penting berkaitan penyakit tidak berjangkit ini selain dari berkongsi faktor risiko yang sama, beban penyakit tidak berjangkit sentiasa meningkat saban tahun di Malaysia.

12. Kesempatan ini, saya ingin berkongsi hasil penemuan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan & Morbiditi 2015 (National Health & Morbidity Survey -NHMS 2015)
 - i. Prevalens diabetes di Malaysia telah meningkat sebanyak 2.3% kepada 17.5% berbanding pada tahun 2011. Manakala prevalens bagi negeri Melaka adalah 16.7%. Didapati bagi setiap satu diabetes yang disahkan, terdapat satu yang tidak dikesan diabetes (*undiagnosed diabetes*) (nisbah 1: 1)
 - ii. Bagi penyakit tekanan darah tinggi (hipertensi) prevalens di Malaysia telah menurun. Walau bagaimanapun, prevalens tidak

dikesan hipertensi (*undiagnosed hypertension*) kekal tinggi pada 17.2% iaitu bagi setiap dua hipertensi yang disahkan terdapat tiga yang tidak dikesan hipertensi (nisbah 2: 3). Prevalens tekanan darah tinggi di Melaka adalah 25.8% berbanding pada tahun 2011 iaitu 32.8%.

- iii. Prevalens hiperkolesterolemia di Malaysia terus meningkat daripada 32.6% pada tahun 2011 kepada 47.7%. Peningkatan ini sebahagian besarnya menyumbang kepada prevalens tidak dikesan hipertensi. Prevalens tidak dikesan hiperkolesterolemia telah meningkat kepada 38.6% daripada 26.6% (2011). Untuk setiap satu *disahkan* hiperkolesterolemia terdapat empat tidak dikesan hiperkolesterolemia (nisbah 1: 4). Prevalens hiperkolesterolemia di Melaka juga meningkat iaitu 46.6% (2011- 35.9%).
 - iv. Prevalens obesiti di Malaysia adalah 30.6%. Mengikut negeri, WP Putrajaya mempunyai prevalen tertinggi obesiti 43.0% diikuti oleh Melaka 36.0%. Melaka adalah kedua tertinggi di Malaysia.
13. Kesimpulannya, keseluruhan peningkatan atau tinggi prevalens ketiga-tiga faktor risiko utama NCD iaitu gula yang tinggi dalam darah (Diabetes) dan kolesterol darah tinggi (hiperkolesterolemia) serta obesiti akan meningkatkan beban penyakit NCD di Malaysia.

14. Apakah tindakan KITA? Rakyat Malaysia khususnya di Melaka dan seluruh warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Melaka kena mengambil kisah/berat tentang status kesihatan masing - masing serta perlu berusaha ke arah mengamalkan gaya hidup sihat sepanjang hayat demi mengurangkan beban penyakit NCD.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

INISIATIF MELAKA SIHAT

15. Setelah melihat trend peningkatan penyakit tidak berjangkit di Malaysia amnya dan di Melaka khususnya Jabatan Kesihatan Negeri Melaka akan menjadi pemangkin kepada satu inisiatif yang dinamakan Inisiatif Melaka Sihat sebagai satu pelan aktiviti komprehensif merangkumi pelbagai teknik dan kaedah dalam usaha menyampaikan informasi, perancangan, prasarana dan program program khusus berkaitan amalan cara hidup sihat dalam memastikan amalan cara hidup sihat menjadi pilihan semua rakyat Melaka.
16. Justeru itu, Inisiatif Melaka Sihat direncanakan bagi membentuk spektrum yang komprehensif dalam usaha menangani isu penyakit tidak berjangkit. Ini bukanlah suatu yang baru, tetapi inisiatif ini bakal menyemarakkan segala usaha dan perancangan sedia ada. Di antara objektif Inisiatif Melaka Sihat adalah:

- I. Mengintegrasikan program kesihatan sebagai wadah penyampaian maklumat berterusan
- II. Mengenangkan Cara Paling Mudah dan berkesan dalam Amalan Cara Hidup Sihat dengan fokus kepada aktiviti fizikal
- III. Memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan informasi berkenaan amalan cara hidup sihat dengan lebih mudah dan tepat
- IV. Memberi pendedahan kepada masyarakat menerusi kapasiti Jabatan Kesihatan dalam menggalakkan amalan cara hidup sihat
- V. Mendedahkan kepada masyarakat berkenaan amalan cara hidup sihat menerusi media masa semasa sebarang aktiviti
- VI. Mempromosikan Program Melaka Bebas Asap Rokok dan bahaya asap rokok kepada kesihatan terutama kepada individu yang tidak merokok (passive smokers).
- VII. Mempromosikan mesej Program “Melaka Getting To Zero’ untuk program HIV
- VIII. Memantapkan Penyertaan Jabatan Kesihatan ke dalam semua program utama Kerajaan Negeri Melaka

17. Sehubungan dengan ini, Bahagian Kesihatan Awam akan melaksanakan penyampaian makluman Inisiatif Melaka Sihat secara terperinci kepada semua PTJ dalam masa terdekat. Mohon semua PTJ dapat memberikan kerjasama dalam pelaksanaan program Inisiatif Melaka Sihat dengan penggunaan pelbagai kaedah dan kolaborasi pelbagai agensi bagi memastikan semua

warga kerja dan komuniti dalam mengamalkan amalan cara hidup sihat sepanjang hayat.

PENUTUP

18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Kesihatan Awam yang telah menguruskan segala persiapan Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka kali ini dengan jayanya.

Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalamualaikum, Warahmatullahi, wabarakatuh.

Sekian Terima kasih